

Tahun Baru Cina bukan ritual keagamaan



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

belakang dan ekor 'singa'.

Menurut sejarah, tarian ini sudah lama wujud di China, lebih 1,000 tahun. Kedatangan masyarakat Cina ke Malaysia membawa bersama budaya yang diwarisi sejak sekian lama ini.

Hari ini, tarian singa khususnya di Sabah dan Sarawak bukan saja dimainkan masyarakat Cina, tetapi turut membabitkan masyarakat tempatan yang lain. Sebagai contoh di Sabah, penarinya terdiri daripada mereka berketurunan Bajau, Suluk, Kadazan serta kaum lain.

Menurut legenda, tarian ini dipercayai dimainkan untuk menyambut nasib yang baik serta menangkis roh atau syaitan jahat. Bagaimanapun, legenda ini tidak lagi dipercayai.

Tarian singa menjadi simbol kebudayaan masyarakat Cina di seluruh

dunia. Di Malaysia, selain Tahun Baru Cina, tarian ini dimainkan di kediaman peribadi atau premis perniagaan seperti hotel dan kompleks beli-belah khususnya ketika majlis perasmian kedai atau produk tertentu.

Ia juga dipersembahkan ketika menyambut ketibaan orang kenamaan. Malah, tarian singa pada hari ini juga sudah menjadi satu bentuk sukan antarabangsa di mana penari bersaing untuk mempamerkan kemahiran masing-masing dengan aksi yang hebat.

Bagaimanakah dengan masyarakat Cina yang memeluk Islam? Apakah mereka boleh meraikan Tahun Baru Cina dan mengadakan majlis tarian singa? Apakah mereka perlu meninggalkannya kerana mereka dikatakan tidak boleh lagi meniru budaya mereka bukan

Muslim?

Apakah Cina Muslim tidak boleh lagi memakan kuih bakul yang khususnya untuk Tahun Baru Cina? Malah, apabila seorang Cina Muslim memaklumkan yang mereka akan pulang meraikan Tahun Baru Cina pun ada yang berasa kehairanan pada awalnya seolah-olah melakukan satu kesilapan besar!

Mungkin mereka terlupa yang Cina Muslim itu masih Cina lagi! Tahun Baru Cina adalah perayaan menyambut kedatangan hari baru untuk tahun baru dalam kalendar Cina. Perayaan ini tiada kena mengena dengan ritual mana-mana agama.

Bagi masyarakat Cina yang beragama Tao, mereka biasanya akan menyatakan rasa terima kasih mereka di kuil. Tetapi, bagi masyarakat Cina Muslim, mereka akan

meraikan kedatangan tahun baru dengan adik-beradik dan sanak-saudara terdekat walaupun mungkin ada antara mereka berlainan agama.

Cina Muslim tidak melakukan perkara tidak selaras dengan syariah. Aktiviti bersama seperti ini boleh memperbaharui ikatan kekeluargaan masing-masing.

Ketika berkumpul bersama keluarga dalam menyambut tahun baru ini, pelbagai makanan istimewa dihidangkan seperti yee sang, limau mandarin dan kuih bakul.

Yee sang adalah sejenis hidangan istimewa. Yee sang di Malaysia adalah unik dan tidak terdapat di China kerana ianya berasal dari Seremban, Negeri Sembilan yang diasaskan pada 1940-an. Ia juga sudah diisytiharkan sebagai makanan warisan

negara oleh Jabatan Warisan Negara.

Ia terdiri daripada campuran beberapa jenis sayuran dan kacang yang dimakan setelah dilakukan acara melambung sambil menggaul semua campuran itu bersama ahli keluarga sambil melaungkan 'Lou Hei' yang bermakna 'gaul naik' dan mengucapkan kata-kata seperti semoga bertambah rezeki, panjang umur dan keluarga bahagia.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad menerusi siri Bayan Linnas (siri 48) menyatakan tidak ada halangan bagi Muslim merayakan Tahun Baru Cina dengan tidak ada unsur yang bertentangan dengan akidah Islam.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM

Suasana Tahun Baru Cina tidak lengkap tanpa tarian singa. Ia sebahagian daripada tarian tradisional dalam adat warisan masyarakat Cina. Penarinya memakai kostum 'singa' meniru pergerakan haiwan itu.

Pada kebiasaan dua penari diperlukan untuk mempersembahkan tarian ini. Seorang memainkan peranan di depan dengan menggerakkan kepala kostum (juga mengerakkan mulut, mata dan telinga), sementara seorang lagi di belakang dengan membongkokkan badan, menggerakkan bahagian